



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	20/6/2019	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Sabah mahu Akta Perhutanan dikekalkan

Tawau: Kerajaan Sabah mengambil pendirian mahu Akta Perhutanan sedia ada dikekalkan memandangkan ia masih mencukupi dan terpakai di peringkat negeri.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohamad Shafie Apdal, berkata pindaan undang-undang pada peringkat negeri juga tidak diperlukan kerana bidang kuasa berkaitan tanah dan perhutanan adalah hak mutlak kerajaan negeri.

Bagaimanapun, beliau berkata, kerajaan negeri bersejutu supaya aspek penguatkuasaan berkaitan akta itu ditingkatkan bagi mengekang kegiatan pembalakan dan pengeluaran hasil hutan

tidak terkawal.

“Di Sabah ketika ini, tiada aktiviti penebangan balak (yang baharu) dilakukan, malah kerajaan negeri tidak mengeluarkan lesen kepada mana-mana individu untuk menjalankan aktiviti itu.

“Apa yang kita dapati, kerajaan terdahulu ada Forest Management Unit (FMU) yang berlesen diberikan kuasa untuk menjalankan aktiviti pembalakan dan pengeluaran hasil hutan. Kerajaan hanya tidak galkan kegiatan eksport,” katanya selepas Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parti Warisan Sabah (WARISAN) Tawau dan Kalabakan di Kompleks Sukan Tawau, di sini, semalam.

Yang turut hadir, ketiga-tiga Timbalan Ketua Menteri, iaitu Datuk Jaujan Sambakong, Datuk Madius Tangau dan Datuk Christina Liew, selain menteri Kabinet negeri, pembantu menteri dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) sekitar Tawau dan Kalabakan.

Tak dibenar eksport balak

Mengulas lanjut, Mohd Shafie berkata, FMU yang ada di Sabah ketika ini tidak dibenar menjalankan kegiatan eksport kayu balak, selain beberapa sekatan tertentu bagi memastikan industri hiliran seperti kilang perabot dan papan lapis di negeri ini terus beroperasi.

“Jika kita lihat ada kayu balak

dibawa menggunakan lori, itu adalah FMU yang diberikan kelulusan oleh kerajaan negeri dulu untuk tempoh tertentu sehingga ada yang mencecah tempoh sehingga 30 tahun.

“Bagaimanapun, kerajaan negeri sekarang akan meneliti semula perjanjian itu sebelum memperbetulkan keadaan yang ada,” katanya.

Tahun lalu, kerajaan negeri pimpinan WARISAN mengambil keputusan menghentikan eksport kayu balak sebagai langkah drastik untuk mengawal aktiviti pembalakan dan memastikan sumber hutan di negeri ini dapat dimanfaatkan untuk kegunaan tempatan.